



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
No. 13

20hb Jun 2013

*TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN*

Phg. P.U. 7.

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (AMALAN DAN ETIKA PEGUAM SYARIE) 2013

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran
3. Akhlak dan peranan Peguam Syarie
4. Peguam Syarie hendaklah meningkatkan pengetahuan
5. Kewajipan Peguam Syarie untuk memberikan nasihat mengenai atau menyetujui terima apa-apa arahan
6. Peguam Syarie tidak boleh menyetujui terima sesuatu arahan jika dalam keadaan serba salah
7. Tiada Peguam Syarie boleh menyetujui terima arahan jika kelakuan profesionalnya mungkin dipersoalkan
8. Tiada Peguam Syarie boleh menerima arahan jika sukar mengekalkan kebebasan profesionalnya
9. Peguam Syarie tidak boleh menyetujui terima arahan jika dia tidak dapat hadir
10. Peguam Syarie tidak boleh menarik diri daripada tugas

11. Peguam Syarie hendaklah menjalankan pembelaan dengan cara yang saksama dan terhormat
12. Fi bagi perkara litigasi atau bertikai
13. Peguam Syarie tidak boleh menjalankan kes mal yang dimaksudkan untuk melambatkan prosiding, dsb.
14. Menghormati Mahkamah
15. Peguam Syarie hendaklah mempertahankan kepentingan keadilan, anak guam dan kehormatan profesion
16. Peguam Syarie hendaklah berkelakuan jujur, tertib dan saksama
17. Peguam Syarie tidak boleh merujuk kepada atau menegaskan fakta yang tidak dibuktikan
18. Peguam Syarie hendaklah mengemukakan kepada Mahkamah apa-apa keputusan berkaitan yang mengikat
19. Penyalahnyataan adalah tidak wajar
20. Peguam Syarie boleh membawa kepada perhatian Mahkamah kedudukan undang-undang, dsb.
21. Peguam Syarie hendaklah memberi kepada Mahkamah segala maklumat
22. Peguam Syarie hendaklah bersedia pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan
23. Peguam Syarie hendaklah menzahirkan kepada anak guam segala hal keadaan
24. Peguam Syarie tidak boleh mengelirukan
25. Peguam Syarie tidak boleh hadir jika dia mempunyai kepentingan kewangan
26. Peguam Syarie tidak boleh hadir mengendalikan sesuatu kes yang dia menjadi saksi
27. Peguam Syarie yang hadir sebagai pihak atau saksi tidak boleh memakai jubah
28. Peguam Syarie hendaklah mempertahankan maruah profesion
29. Perasaan anak guam tidak boleh mempengaruhi kelakuan Peguam Syarie
30. Peguam Syarie hendaklah memperlakukan saksi pihak yang bertentangan dengan saksama dan timbang rasa

31. Peguam Syarie tidak boleh menyalahgunakan kepercayaan yang diletakkan padanya oleh anak guam
32. Peguam Syarie hendaklah mencegah anak guamnya daripada kelakuan tidak baik terhadap Mahkamah, dsb.
33. Peguam Syarie yang menulis untuk akhbar tidak boleh memperihalkan dirinya sebagai Peguam Syarie
34. Pengecualian
35. Peguam Syarie tidak boleh memperihalkan dirinya sebagai Peguam Syarie tanpa izin Jawatankuasa
36. Peguam Syarie tidak boleh menjadi penjamin
37. Peguam Syarie tidak boleh berhubung dengan orang yang diwakili oleh Peguam Syarie lain
38. Peguam Syarie tidak boleh membangkitkan perselisihan dan litigasi
39. Peguam Syarie tidak boleh menjalankan secara aktif apa-apa tred
40. Peguam Syarie tidak boleh mengiklan
41. Peguam Syarie tidak boleh mengiklankan dirinya
42. Peguam Syarie tidak boleh mengadakan temu ramah
43. Peguam Syarie tidak boleh menyiarkan fotografnya
44. Peguam Syarie tidak boleh memancing untuk mendapatkan laporan
45. Peguam Syarie tidak boleh mengiklankan alamat
46. Peguam Syarie tidak boleh meraih atau menyebabkan diraih langganan
47. Tiada pembahagian kos atau keuntungan dengan orang yang tidak berkelayakan
48. Komisen agensi atau kos keuntungan
49. Peguam Syarie tidak boleh hadir bagi sesuatu pihak yang diwakili oleh Peguam Syarie lain
50. Lien Peguam Syarie
51. Penghakiman ingkar
52. Lanjutan masa untuk pliding
53. Tiada pejabat cawangan tanpa Peguam Syarie
54. Agensi kebanyakan
55. Tindakan disiplin

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

KAEDAH-KAEDAH PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (AMALAN DAN ETIKA PEGUAM SYARIE) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 116 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Amalan dan Etika Peguam Syarie) 2013**.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah peraturan 3 Peraturan-Peraturan Peguam Syarie 1995 [*Phg. P.U. 12/1995*].

Akhlahk dan peranan Peguam Syarie

3. Peguam Syarie hendaklah mempunyai akhlak, sikap dan tingkah laku yang mulia, dan hendaklah bersifat amanah, jujur dan berniat baik dalam melaksanakan tugas dan peranannya demi menegakkan keadilan.

Peguam Syarie hendaklah meningkatkan pengetahuan

4. Peguam Syarie hendaklah sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan Hukum Syarak dan undang-undang supaya tugasnya dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.

Kewajipan Peguam Syarie untuk memberikan nasihat mengenai atau menyetujui terima apa-apa arahan

5. Peguam Syarie hendaklah memberikan nasihat mengenai atau menyetujui terima apa-apa arahan di Mahkamah yang dia mengaku menjalankan amalan dengan fi profesional yang wajar bergantung pada tempoh masa dan kesukaran kes itu, tetapi hal keadaan khusus boleh dijadikan alasan untuk dia enggan, menurut budi bicaranya, menyetujui terima sesuatu arahan tertentu.

Peguam Syarie tidak boleh menyetujui terima sesuatu arahan jika dalam keadaan serba salah

6. (1) Peguam Syarie tidak boleh menyetujui terima sesuatu arahan jika dengan menyetujui terimanya dia berada atau akan berada dalam keadaan serba salah.

(2) Keadaan serba salah itu timbul—

- (a) jika dia dapati ada dalam miliknya maklumat sulit hasil daripada nasihat yang telah diberi sebelumnya kepada seorang lain berkenaan dengan perkara yang sama;
- (b) jika ada sesuatu perhubungan peribadi antaranya dengan sesuatu pihak atau seseorang saksi dalam perbicaraan itu.

Tiada Peguam Syarie boleh menyetujui terima arahan jika kelakuan profesionalnya mungkin dipersoalkan

7. Tiada Peguam Syarie boleh menyetujui terima sesuatu arahan dalam sesuatu kes jika dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kelakuan profesionalnya sendiri mungkin dipersoalkan.

Tiada Peguam Syarie boleh menerima arahan jika sukar mengekalkan kebebasan profesionalnya

8. (1) Tiada Peguam Syarie boleh menyetujui terima sesuatu arahan jika penyetujuterimaan itu menyebabkan atau akan menyebabkan sukar baginya untuk mengekalkan kebebasan profesionalnya atau bertentangan dengan kepentingan pentadbiran keadilan.

(2) Peguam Syarie yang telah, pada bila-bila masa, menasihatkan atau membuat pliding atau bertindak bagi suatu pihak berhubung dengan pemulaan atau pendakwaan atau pembelaan apa-apa guaman, rayuan atau prosiding lain tidak boleh bertindak, hadir atau berhujah bagi pihak lawan dalam guaman, rayuan atau prosiding lain itu.

Peguam Syarie tidak boleh menyetujui terima arahan jika dia tidak dapat hadir

9. Peguam Syarie tidak boleh menyetujui terima apa-apa arahan melainkan jika dia semunasabahnya pasti akan dapat hadir dan mewakili anak guam itu pada hari yang dikehendaki.

Peguam Syarie tidak boleh menarik diri daripada tugas

10. Tertakluk kepada apa-apa kaedah-kaedah Mahkamah yang dibuat bagi maksud ini, Peguam Syarie yang ditugaskan dalam sesuatu perkara mal atau jenayah—

- (a) melainkan dengan persetujuan Mahkamah, tidak boleh menarik diri daripada sesuatu tugas sebaik sahaja menyetujui terima tugas itu tanpa sebab yang mencukupi melainkan jika notis yang sewajarnya dan mencukupi diberikan kepada anak guam;
- (b) hendaklah sentiasa menjalankan segala daya usahanya dalam tugas itu walaupun tidak mendapat persetujuan Mahkamah untuk menarik diri.

Peguam Syarie hendaklah menjalankan pembelaan dengan cara yang saksama dan terhormat

11. Peguam Syarie yang menjalankan pembelaan bagi seseorang dalam apa-apa perkara jenayah hendaklah dengan segala cara yang saksama dan terhormat mengemukakan tiap-tiap pembelaan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Fi bagi perkara litigasi atau bertikai

12. Dalam menentukan amaun fi bagi perkara litigasi atau bertikai yang melibatkan seseorang anak guam yang diwakili dalam Mahkamah, maka wajarlah diambil kira—

- (a) masa, tenaga dan kemahiran yang diperlukan;
- (b) kebaharuan dan kesukaran persoalan yang terlibat;
- (c) sama ada penerimaan tugas tertentu itu akan menghalang kehadirannya bagi pihak lain yang dia mempunyai jangkaan yang munasabah;
- (d) bayaran biasa profesion bagi perkhidmatan yang serupa;
- (e) amaun yang menjadi kontroversi;
- (f) faedah yang akan didapati oleh anak guam daripada perkhidmatan itu;
- (g) corak tugas itu - sama ada secara kebetulan atau bagi anak guam yang tetap; dan
- (h) kedudukan khas atau kekananan Peguam Syarie tertentu itu.

Peguam Syarie tidak boleh menjalankan kes mal yang dimaksudkan untuk melambatkan prosiding, dsb.

13. Peguam Syarie tidak boleh menjalankan sesuatu kes mal atau membuat pembelaan yang dimaksudkan semata-mata untuk melambatkan prosiding atau mengganggu atau memudaratkan pihak lawan atau untuk melakukan penindasan atau sesuatu yang salah.

Menghormati Mahkamah

14. Peguam Syarie hendaklah sentiasa bersikap hormat terhadap Mahkamah dan tidak boleh memperdaya Mahkamah.

Peguam Syarie hendaklah mempertahankan kepentingan keadilan, anak guam dan kehormatan profesion

15. Peguam Syarie hendaklah, sambil bertindak dengan segala tertib di hadapan Mahkamah di mana dia hadir, berani mempertahankan kepentingan keadilan, anak guamnya dan kehormatan profesion.

Peguam Syarie hendaklah berkelakuan jujur, tertib dan saksama

16. Peguam Syarie hendaklah berkelakuan jujur, tertib dan saksama di hadapan Mahkamah dan dalam hubungannya dengan Peguam Syarie lain.

Peguam Syarie tidak boleh merujuk kepada atau menegaskan fakta yang tidak dibuktikan

17. Dalam membuka sesuatu kes atau mengemukakan hujahnya, Peguam Syarie tidak boleh merujuk kepada atau menegaskan apa-apa fakta dalam kes itu yang tidak dapat dibuktikannya.

Peguam Syarie hendaklah mengemukakan kepada Mahkamah apa-apa keputusan berkaitan yang mengikat

18. (1) Peguam Syarie hendaklah mengemukakan kepada Mahkamah apa-apa keputusan berkaitan yang mengikat yang masih berkuat kuasa yang dia tahu, sama ada keputusan itu menyokong atau menentang hujahnya.

(2) Kaedah ini terpakai terutama sekali dalam prosiding *ex-parte*.

Penyalahnyataan adalah tidak wajar

19. Peguam Syarie tidak wajar—

- (a) dengan diketahuinya, menyalahnyatakan kandungan sesuatu kertas, keterangan seseorang saksi, hujah pihak lawan atau bahasa sesuatu keputusan atau buku teks;
- (b) menyatakan sebagai autoriti suatu keputusan yang telah dibatalkan atau suatu statut yang telah dimansuhkan.

Peguam Syarie boleh membawa kepada perhatian Mahkamah kedudukan undang-undang, dsb.

20. (1) Jika selepas keterangan dan hujah ditutup dan sementara keputusan ditangguhkan, seseorang Peguam Syarie menemui suatu kedudukan undang-undang atau suatu keputusan undang-undang yang berkaitan secara langsung, dia hendaklah membawanya kepada perhatian Mahkamah dan pihak lawan hendaklah bersetuju dengan cadangan itu walaupun kedudukan itu tidak memihak kepadanya.

(2) Jika pihak lawan tidak bersetuju, Peguam Syarie yang mengemukakan kedudukan undang-undang itu masih boleh mengemukakan autoriti tambahan itu kepada Mahkamah dan cara yang wajar ialah baginya menghantar kepada pihak lawan sesalinan suratnya kepada Mahkamah supaya pihak lawan boleh memberi ulasan mengenainya jika dibenarkan oleh Mahkamah.

Peguam Syarie hendaklah memberi kepada Mahkamah segala maklumat

21. Peguam Syarie hendaklah memberi kepada Mahkamah segala maklumat mengenai jangka masa yang dijangkakan bagi sesuatu kes dan kemungkinan penyelesaian.

Peguam Syarie hendaklah bersedia pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan

22. (1) Peguam Syarie hendaklah menjalankan segala usaha supaya sedia untuk perbicaraan pada hari yang ditetapkan.

(2) Peguam Syarie boleh memohon penangguhan sesuatu kes yang telah ditetapkan perbicaraannya hanya atas sebab yang balik dan meyakinkan.

(3) Kecuali dalam kecemasan, adalah tidak wajar bagi Peguam Syarie memohon sesuatu penangguhan dalam ketiadaan Peguam Syarie bagi pihak yang satu lagi itu melainkan jika dia telah memberi kepada Peguam Syarie yang berkenaan notis sekurang-kurangnya empat puluh lapan jam mengenai cadangannya untuk membuat permohonan itu.

Peguam Syarie hendaklah menzahirkan kepada anak guam segala hal keadaan

23. Peguam Syarie pada masa dia dilantik hendaklah menzahirkan kepada anak guam segala hal keadaan hubungannya dengan pihak-pihak yang berkenaan, dan apa-apa kepentingan berhubung dengan perbalahan itu, yang mungkin mempengaruhi anak guam dalam memilih Peguam Syarie.

Peguam Syarie tidak boleh mengelirukan

24. Peguam Syarie hendaklah mengelakkan segala perkara yang boleh mengelirukan pihak yang tidak diwakili oleh Peguam Syarie.

Peguam Syarie tidak boleh hadir jika dia mempunyai kepentingan kewangan

25. (1) Peguam Syarie tidak boleh hadir dalam apa-apa perkara yang dia mempunyai kepentingan kewangan secara langsung atau tidak langsung.

(2) Kaedah ini tidak terpakai bagi seseorang Peguam Syarie yang hadir sendiri untuk menetapkan kosnya sendiri.

Peguam Syarie tidak boleh hadir mengendalikan sesuatu kes yang dia menjadi saksi

26. (1) Peguam Syarie tidak boleh hadir mengendalikan sesuatu kes di dalam Mahkamah atau dalam Kamar yang dia ada sebab untuk mempercayai bahawa dia akan menjadi saksi berkenaan dengan persoalan sesuatu fakta yang matan dan dipertikaikan, dan jika semasa hadir dalam mengendalikan sesuatu kes dia didapati akan menjadi saksi, dia hendaklah berhenti mengendalikan kes itu.

(2) Peguam Syarie tidak boleh hadir mengendalikan kes di hadapan mahkamah rayuan jika dalam kes yang menjadi perkara rayuan itu dia telah menjadi saksi mengenai sesuatu persoalan fakta yang matan dan dipertikaikan dalam Mahkamah di peringkat bawah.

(3) Tiada apa-apa yang terkandung dalam kaedah ini boleh menghalang seseorang Peguam Syarie daripada mengangkat sumpah atau mengikrar affidavit mengenai fakta rasmi atau fakta yang tidak dipertikaikan dalam perkara yang dia bertindak atau hadir mengendalikan kes.

Peguam Syarie yang hadir sebagai pihak atau saksi tidak boleh memakai jubah

27. (1) Peguam Syarie yang hadir sendiri sebagai pihak atau yang berada dalam kandang saksi tidak boleh memakai jubah.

(2) Kecuali dalam upacara istiadat tertentu dan di tempat tertentu yang ditetapkan oleh Mahkamah, Peguam Syarie tidak boleh memakai jubah di tempat awam selain dalam Mahkamah atau dalam perjalanan pergi atau balik dari Mahkamah.

Peguam Syarie hendaklah mempertahankan maruah profesion

28. Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah pada setiap masa mempertahankan maruah dan ketinggian taraf profesionnya.

Perasaan anak guam tidak boleh mempengaruhi kelakuan Peguam Syarie

29. Perasaan yang wujud antara anak guam tidak boleh dibiarkan mempengaruhi Peguam Syarie dalam kelakuan dan tingkah lakunya terhadap satu sama lain atau terhadap pihak-pihak dan saksi-saksi mereka dalam kes itu.

Peguam Syarie hendaklah memperlakukan saksi pihak yang bertentangan dengan saksama dan timbang rasa

30. Peguam Syarie hendaklah memperlakukan saksi dan pihak yang bertentangan dengan saksama dan timbang rasa dan dia tidak boleh melayani niat jahat atau prasangka seseorang anak guam dalam menjalankan sesuatu kes.

Peguam Syarie tidak boleh menyalahgunakan kepercayaan yang diletakkan padanya oleh anak guam

31. (1) Peguam Syarie hendaklah menahan diri daripada apa-apa tindakan yang bagi faedah atau keuntungan peribadinya, dia menyalahgunakan atau mengambil kesempatan atas kepercayaan yang diletakkan padanya oleh anak guam.

(2) Peguam Syarie hendaklah mengekalkan kepercayaan anak guamnya dan kewajipan ini hendaklah kekal menjangkau penggajiannya.

Peguam Syarie hendaklah mencegah anak guamnya daripada kelakuan tidak baik terhadap Mahkamah, dsb.

32. (1) Peguam Syarie hendaklah berusaha sedaya-upaya untuk mencegah anak guamnya daripada melakukan perkara yang Peguam Syarie itu sendiri tidak patut lakukan, terutamanya berkenaan dengan kelakuannya terhadap Mahkamah dan pegawai kehakiman, saksi dan pihak-pihak.

(2) Jika seseorang anak guam berkeras dengan perbuatan salah itu, Peguam Syarie itu hendaklah menamatkan perhubungannya.

Peguam Syarie yang menulis untuk akhbar tidak boleh memperihalkan dirinya sebagai Peguam Syarie

33. Tertakluk kepada kaedah 34, seseorang Peguam Syarie yang menulis untuk akhbar atau untuk diterbitkan kecuali atas sifat profesionalnya hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk menjamin supaya tiada perihal mengenainya sebagai Peguam Syarie atau mengenai tugas undang-undangnya muncul berhubung dengan makalahnya.

Pengecualian

34. Kaedah 33 tidak terpakai bagi yang berikut:

- (a) jika seseorang Peguam Syarie menerbitkan suatu buku teks undang-undang (sama ada atau tidak bersesama dengan seseorang yang bukan Peguam Syarie) nama, kelayakan dan rujukan mengenai buku teks lain yang mungkin telah ditulis olehnya boleh dinyatakan pada kulit atau muka surat tajuknya atau dalam iklan mengenainya;
- (b) Peguam Syarie yang telah bersara daripada amalan boleh menulis riwayat pengalamannya sebagai Peguam Syarie, tetapi dia tidak boleh mengkhianati kepercayaan yang telah diletakkan padanya oleh anak guamnya;
- (c) jika seseorang Peguam Syarie menulis makalah untuk jurnal undang-undang.

Peguam Syarie tidak boleh memperihalkan dirinya sebagai Peguam Syarie tanpa izin Jawatankuasa

35. Peguam Syarie yang memberi suatu syarahan atau siaran mengenai perkara undang-undang atau kuasi undang-undang tidak boleh membenarkan dirinya diperihalkan sebagai Peguam Syarie tanpa izin Jawatankuasa.

Peguam Syarie tidak boleh menjadi penjamin

36. Peguam Syarie tidak boleh menjadi penjamin atau bailor bagi anak guamnya yang dikehendaki bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang.

Peguam Syarie tidak boleh berhubung dengan orang yang diwakili oleh Peguam Syarie lain

37. Peguam Syarie tidak boleh berhubung dengan seseorang mengenai apa-apa perkara yang berkenaan dengannya dia tahu orang itu diwakili oleh Peguam Syarie lain kecuali dengan izin yang nyata daripada Peguam Syarie yang lain itu.

Peguam Syarie tidak boleh membangkitkan perselisihan dan litigasi

38. Peguam Syarie tidak boleh memberikan nasihat tanpa diminta kepada mana-mana orang supaya membawa sesuatu tindakan atau membangkitkan perselisihan dan litigasi.

Peguam Syarie tidak boleh menjalankan secara aktif apa-apa tred

39. (1) Peguam Syarie tidak boleh menjalankan secara aktif atau mengambil bahagian atau menjadi pekongsi dalam apa-apa tred yang boleh menjejaskan perkhidmatannya atau kepentingan anak guamnya.

(2) Peguam Syarie tidak boleh menjadi pekerja bergaji sepenuh masa bagi mana-mana orang, firma (kecuali sebagai peguam bela dan peguam cara) atau perbadanan selagi dia berterusan menjalankan amalan.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), tiada apa-apa boleh menghalang Peguam Syarie daripada bertindak sebagai peguam di bawah seksyen 5 Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26].

Peguam Syarie tidak boleh mengiklan

40. Peguam Syarie tidak boleh memancing kerja atau mengiklan, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, sama ada dengan pekeling, iklan, melalui peraih langganan, perhubungan sendiri, temu ramah yang tidak diperlukan oleh pertalian peribadi, dengan memberi atau menimbulkan komen surat khabar atau dengan mendapatkan fotografinya disiarkan berhubung dengan kes yang dia telah dipertugaskan atau mengambil bahagian.

Peguam Syarie tidak boleh mengiklankan dirinya

41. Peguam Syarie tidak boleh melakukan atau menyebabkan atau membenarkan dilakukan apa-apa perkara dengan tujuan utamanya untuk mengiklan dirinya, atau apa-apa perkara yang dikira sebagai menyarankan bahawa dia bertujuan sedemikian.

Peguam Syarie tidak boleh mengadakan temu ramah

42. Peguam Syarie tidak boleh mengadakan temu ramah dengan akhbar atau memberi maklumat kepadanya mengenai kehidupan, amalan atau pendapatannya sebagai Peguam Syarie.

Peguam Syarie tidak boleh menyiarkan fotografinya

43. Peguam Syarie tidak boleh mengambil langkah untuk mendapatkan fotografinya sebagai Peguam Syarie disiarkan dalam akhbar atau mana-mana terbitan berkala.

Peguam Syarie tidak boleh memancing untuk mendapatkan laporan

44. Peguam Syarie tidak boleh memancing untuk mendapatkan laporan dibuat mengenai apa-apa perkara yang dia telah dipertugaskan secara profesional, tetapi dia boleh menimbangkan dan menyemak laporan mengenai kes yang dia telah dipertugaskan secara profesional bagi memastikan ketepatan laporan itu.

Peguam Syarie tidak boleh mengiklankan alamat

45. (1) Peguam Syarie tidak boleh mengiklankan alamatnya atau alamat firmannya dalam apa-apa buku, risalah, akhbar, terbitan berkala atau penerbitan lain sama ada bercetak atau elektronik atau mengizin diterbitkan sama ada dalam akhbar atau penerbitan lain notis atau makalah mengenai kelayakan atau merit profesionalnya.

(2) Subkaedah (1) tidak terpakai bagi percetakan nama dan alamat mana-mana Peguam Syarie dalam Senarai Undang-Undang, Buku Panduan Undang-Undang, diari undang-undang dan apa-apa buku panduan lain sebagaimana yang diizinkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa, atau dalam mana-mana buku panduan telefon dalam Malaysia, termasuk bahagian yang dikhaskan untuk iklan dan dikenali sebagai “halaman kuning” atau dalam notis biasa undang-undang yang disiarkan dalam akhbar atau penerbitan lain.

(3) Peguam Syarie tidak boleh mempamerkan plat nama firmannya di luar pejabatnya pada ukuran yang lebih besar daripada 75cm x 60cm.

Peguam Syarie tidak boleh meraih atau menyebabkan diraih langganan

46. Peguam Syarie tidak boleh melakukan atau menyebabkan atau membenarkan dilakukan apa-apa perkara bagi maksud meraih langganan secara langsung atau secara tidak langsung atau yang dikira sebagai menyaranakan bahawa perkara itu dilakukan bagi maksud meraih langganan.

Tiada pembahagian kos atau keuntungan dengan orang yang tidak berkelayakan

47. Peguam Syarie tidak boleh—

- (a) membahagi-bahagikan atau bersetuju membahagi-bahagikan sama ada kos yang diterima atau keuntungan perniagaannya dengan mana-mana orang yang tidak berkelayakan;
- (b) membayar, memberi, bersetuju membayar atau bersetuju memberi apa-apa komisen, ganjaran atau balasan berharga kepada mana-mana orang yang tidak berkelayakan untuk mendapatkan atau mempengaruhi atau kerana telah mendapatkan atau mempengaruhi apa-apa urusan undang-undang dan sama ada pembayaran, pemberian atau persetujuan itu dibuat berdalihkan perkhidmatan yang diberikan atau selainnya, tetapi kaedah ini tidak melarang pembayaran bonus biasa kepada kakitangan;
- (c) mengenakan caj untuk perkhidmatannya kurang atau lebih daripada skala fi yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan dengan urusan bukan bertikaian yang dilaksanakan olehnya kecuali atas suatu sebab khas yang caj tidak dikenakan langsung.

Komisen agensi atau kos keuntungan

48. Komisen agensi atau kos keuntungan boleh dibenarkan antara Peguam Syarie yang menjalankan amalan dalam Malaysia dengan ejen atau ejen-ejenjnya yang diiktiraf yang menjalankan amalan dalam atau luar Malaysia.

Peguam Syarie tidak boleh hadir bagi sesuatu pihak yang diwakili oleh Peguam Syarie lain

49. Jika dalam apa-apa perkara atau prosiding nama seseorang Peguam Syarie atau nama firmannya terdapat dalam rekod bagi mana-mana pihak, atau seseorang Peguam Syarie diketahui sebagai bertindak bagi sesuatu pihak dalam sesuatu perkara sama ada dalam Mahkamah atau tidak, tiada Peguam Syarie lain boleh dengan diketahuinya bersetuju untuk hadir atau bertindak atau terus hadir atau bertindak bagi pihak itu dalam perkara atau prosiding itu melainkan jika—

- (a) dia mendapat izin Peguam Syarie yang pertama disebut itu; atau
- (b) dia berpuas hati bahawa saraan profesional yang wajar bagi Peguam Syarie yang pertama disebut itu telah dibayar atau dia mengaku janji bahawa saraan profesional itu akan dibayar; atau
- (c) dia telah pun, tanpa mengetahui bahawa nama itu ada dalam rekod atau bahawa Peguam Syarie itu telah bertindak sedemikian, bersetuju hadir atau bertindak bagi pihak itu dan dia tidak boleh, oleh sebab hal keadaan atau keperluan yang mendesak atau oleh apa-apa sebab seumpamanya, enggan hadir atau bertindak selanjutnya bagi pihak itu, tanpa mendedahkan dirinya kepada pertuduhan melanggar kewajipan profesional; atau
- (d) Peguam Syarie yang pertama disebut itu tidak sanggup atau telah enggan bertindak selanjutnya bagi pihak itu dan dalam hal sedemikian dia hendaklah, jika dikehendaki, melindungi apa-apa lien yang Peguam Syarie yang pertama disebut itu mungkin ada untuk kos.

Lien Peguam Syarie

50. Kecuali bagi maksud melindungi finya dengan cara lien, Peguam Syarie tidak boleh menahan kertas anak guam hingga memudaratkan kepentingan anak guam.

Penghakiman ingkar

51. Jika nama Peguam Syarie atau nama firmannya terdapat dalam rekod Mahkamah atau fakta mengenai perwakilan diketahui oleh pihak yang satu lagi, tiada Peguam Syarie yang mewakili pihak yang satu lagi dalam prosiding itu boleh memasukkan penghakiman ingkar terhadap anak guam Peguam Syarie yang pertama disebut itu atau mengambil kesempatan atas kelewatan dalam pliding atau dalam memfailkan dokumen yang bersifat pliding atau dalam mengambil apa-apa langkah yang perlu atau dalam mematuhi apa-apa perintah

dalam prosiding itu, melainkan jika dia telah memberi kepada Peguam Syarie yang pertama disebut itu notis bertulis mengenai niatnya untuk berbuat demikian, dan tempoh empat puluh lapan jam telah berlalu selepas notis itu diserahkan kepada Peguam Syarie yang pertama disebut itu.

Lanjutan masa untuk pliding

52. Jika suatu lanjutan masa untuk membuat pliding telah diberikan kepada sesuatu pihak, Peguam Syarie yang mewakili pihak itu hendaklah, jika dikehendaki, menyetujui terima notis singkat untuk perbicaraan pada persidangan Mahkamah yang berikutnya kerana sekiranya pliding itu diserahkan dalam masa yang biasanya dihadkan bagi penyerahannya tanpa apa-apa lanjutan, pihak yang membenarkan lanjutan tentu akan berada pada kedudukan untuk memberi notis untuk perbicaraan pada persidangan itu.

Tiada pejabat cawangan tanpa Peguam Syarie

53. (1) Tiada Peguam Syarie boleh menyelenggarakan pejabat cawangan melainkan jika pejabat cawangan itu diawasi sepenuhnya dan berterusan oleh seorang Peguam Syarie.

(2) Tiada Peguam Syarie boleh menjalankan amalan profesionnya sebagai pekongsi bagi lebih daripada satu firma pada bila-bila masa tanpa izin Jawatankuasa.

(3) Tiada Peguam Syarie boleh menjalankan amalan profesionnya melainkan jika ia menyelenggarakan suatu pejabat dalam Semenanjung Malaysia.

Agensi kebanyakan

54. Peguam Syarie tidak boleh membiarkan dirinya dikawal atau dieksploitasi oleh mana-mana agensi kebanyakan yang menjadi perantaraan antara anak guamnya dengan dirinya.

Tindakan disiplin

55. Mana-mana Peguam Syarie yang gagal mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini boleh dikenakan tindakan disiplin.

Dibuat 29 Februari 2008
[M.U.I.Phg. 2/59/3]

DATO' SRI WAN HAJI ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Ugama Islam dan Adat
Resam Melayu Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
